



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING BIL. 4/99

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

COMPULSORY CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD) UNTUK JURUUKUR BAHAN BERDAFTAR

Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 kini sedang dipinda dan salah satu pindaan tersebut adalah untuk memperkenalkan satu peruntukan bagi melaksanakan *Compulsory CPD* sebagai satu syarat bagi pembaharuan pendaftaran kedua-dua Juruukur Bahan Berdaftar dan Juruukur Bahan Berdaftar Sementara.

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) di dalam mesyuaratnya yang diadakan pada 16 Oktober 1999 telah memutuskan untuk mengenakan *Compulsory CPD* untuk semua Juruukur Bahan yang berdaftar dengan LJBM sebagai syarat untuk pembaharuan pendaftaran **berkuatkuasa mulai dari 1 Januari 2002.**

Mulai dari tahun 2001, semua Juruukur Bahan hendaklah menyertai dan menyimpan rekod mengenai penyertaan mereka di dalam program-program *Compulsory Continuing Professional Development* untuk membolehkan mereka memperbaharui pendaftaran mereka. Mulai tahun 2002, semua pembaharuan pendaftaran dengan Lembaga mesti mengandungi bukti bahawa mereka telah mengambil bahagian dan mengumpul sekurang-kurangnya sepuluh (10) jam kredit *CPD* pada tahun sebelumnya. Kegagalan mematuhi keperluan syarat minima ini akan mengakibatkan permohonan pembaharuan pendaftaran ditolak.


Keperluan *Compulsory CPD* bagi Juruukur Bahan Berdaftar akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Bersama *Compulsory CPD* LJBM/ISM.

Sebagai pengenalan kepada program *CPD* ini, Lembaga telah membenarkan Juruukur Bahan Berdaftar untuk mengumpul jam kredit *CPD* mereka dalam tahun 2000 dan 2001 bagi pembaharuan pendaftaran tahun 2002. Sehubungan dengan itu, perlancaran *Compulsory CPD* akan diadakan dalam bulan Januari tahun 2000. Semua Juruukur Bahan Berdaftar dinasihatkan untuk mengambil bahagian secara aktif di dalam program-program *Compulsory CPD* demi untuk melengkap dan mengemaskini diri dengan pengetahuan dan pembangunan yang terkini di dalam profesi Ukur Bahan.

Tarikh dan tempat pelancaran *Compulsory CPD* akan diberitahu kemudian. Juruukur Bahan Berdaftar boleh menghubungi Urusetia Lembaga di Tel: 03-4407999 atau Fax: 03-2925680 atau E-mail: ljbm@tm.net.my untuk maklumat lanjut mengenai *Compulsory Continuing Professional Development*.

Garis Panduan dan Peraturan bagi *Compulsory Continuing Professional Development* untuk Juruukur Bahan Berdaftar akan dipaparkan di dalam web-site Lembaga di alamat <http://www.jkr.gov.my/ljbm> dalam bulan Januari 2000. Juruukur Bahan Berdaftar juga boleh memperolehi sesalinan Garis Panduan dan Peraturan tersebut dari Urusetia LJBM atau ISM dengan harga yang '*nominal*'.

Dengan Perintah Lembaga,



Tan Kim Lian
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

6 Disember 1999